



NOTIS PEMBERITAHUAN

TAWARAN UNTUK MENYEWAKAN PREMIS PERNIAGAAN MILIK MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS.

Tawaran adalah dibuka kepada orang ramai yang berminat menyewakan perniagaan Majlis Daerah Cameron Highlands. Keterangan ruang niaga adalah seperti berikut :-

BIL	KAWASAN	JUMLAH KEKOSONGAN	KUOTA PERMOHONAN	JENIS PERNIAGAAN
1.	NO.1 GERAI MAKAN KUALA TERLA	1	INDIA	MAKANAN DAN MINUMAN
2.	NO.15 KOMPLEKS GERAI KEA FARM	1	TERBUKA	PELBAGAI (MAKANAN & MINUMAN TIDAK BERDAPUR)
3.	NO.A5 PASAR RUNCIT BRINCHANG	1	PELBAGAI	BARANG-BARANG RUNCIT

Syarat – syarat permohonan :

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada :
 - I. Warganegara Malaysia
 - II. Keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang atau individu yang bermastautin tidak kurang dari 5 tahun di Cameron Highlands.
 - III. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
 - IV. **BUKAN** kakitangan awam.
 - V. Keutamaan kepada yang telah berkahwin dan ibu tunggal.
 - VI. Tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dan rekod kesalahan dengan MDCH.
 - VII. Tidak mempunyai lebih daripada 1 lesen perniagaan dengan MDCH.
2. Permohonan adalah tidak terhad kepada sebarang jenis perniagaan yang bersesuaian (tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Ahli Jawatankuasa Temuduga Gerai / Premis).
3. Memiliki sijil Pendaftaran Perniagaan yang berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (bagi yang telah memiliki perniagaan sahaja).
4. Borang permohonan hendaklah dihantar selepas diisi secara lengkap dengan semua maklumat yang diperlukan (seperti senarai semak).
5. Borang permohonan boleh didapati di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Daerah Cameron Highlands mulai **29hb Mac 2021** dan hendaklah dihantar semula pada atau sebelum **12 hb April 2021 jam 4.30 petang**. Sebarang permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan diproses.

Saya yang menjalankan amanah,



(NORAZATUL AFIDAH BINTI ABDUL RAZAK)
Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Cameron Highlands.

Fail : Bil (62) dlm. MDCH/JPPH/SW/200/4/2/8
Tarikh : 29 hb Mac 2021
Bersamaan : 15 Syaaban 1442 H